

24 APR 2002

PEMIMPIN CHINA AKAN BINCANGKAN KONFLIK PALESTIN-ISRAEL DGN BUSH

KUALA LUMPUR, 24 April (Bernama) -- Naib Presiden China Hu Jintao akan membincangkan konflik Palestin-Israel dengan presiden Amerika Syarikat George W. Bush dalam lawatannya ke negara itu minggu depan.

Hu, yang kini dalam rangka lawatan empat hari ke Malaysia sejak semalam, juga dijangka menyatakan pendirian China berhubung perkara itu dalam pertemuan dengan Bush.

Jurucakap Kementerian Luar China Zhang Qiyue berkata demikian pada sidang akhbar di Seri Kembangan di sini, selepas pertemuan Hu dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

"Sebenarnya, persoalan Asia Barat dan Palestin banyak diperkatakan oleh naib presiden (Hu) dan Perdana Menteri (Dr Mahathir), yang baru pulang daripada lawatan beliau ke Maghribi, Bahrain dan Libya," katanya.

Semasa pertemuan itu, katanya Dr Mahathir telah menyatakan pendirian Malaysia berhubung isu itu dan Malaysia juga menentang pencabulan hak asasi rakyat Palestin.

Zhang berkata Hu pula menjelaskan bahawa China telah mendesak Israel supaya segera berundur dari wilayah Palestin selaras dengan resolusi Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

-- BERNAMA

ER AZH NAK